

06/09/1997

Projek Bakun dijadualkan semula

PELAKSANAAN projek empangan hidro elektrik Bakun di Sarawak akan dijadual semula berikutan keputusan kerajaan untuk menangguhkan semua projek mega, termasuk projek berkenaan, kelmarin.

Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, berkata beliau tidak mengetahui sampai bila projek itu akan ditangguhkan.

"Mungkin cara pelaksanaannya boleh dijadual semula supaya tidak membabitkan penggunaan elemen pertukaran wang asing yang terlalu besar," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis ucapan dasar Perhimpunan Agung Umno 1997, di Kuala Lumpur, semalam.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata jadual kerja beberapa projek mega akan disusun dan mungkin ditangguhkan bagi tempoh tertentu sehingga nilai ringgit pulih.

(END)